

Kekuatan dan Kelemahan Aspek Amali dalam Kursus-kursus Program Diploma Pentadbiran Kehakiman dan Guaman Islam (DPKGI), UKM

Kod Projek: UKM-PTS-035-2009

Zaini Nasohah (Ketua Projek), Anwar Fakhri Omar & Mohammad Zaini Yahaya

Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam
Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor

PENGENALAN / PERNYATAAN MASALAH

Program DPKGI mula ditawarkan pada semester satu sesi 1996/1997. Semenjak itu, program ini sentiasa mendapat sambutan yang amat menggalakkan sama ada daripada pelajar sepenuh masa dalam UKM mahupun calon separuh masa dari luar UKM. Lulusan diploma ini juga mendapat peluang yang amat baik dipasaran sama ada di sektor awam ataupun swasta. Bagi sektor awam, lulusan diploma ini kini mendominasi perjawatan-perjawatan berkaitan dengan undang-undang sama ada di Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia, Jabatan Peguam Negara, Jabatan Kehakiman Syariah Negeri-Negeri, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, Jabatan-Jabatan Agama Islam Negeri-Negeri dan pelbagai lagi. Bagi sektor swasta, ramai lulusan diploma ini yang telah meneruskan kerjaya sebagai Peguam Syarie yang berjaya di firma-firma guaman. Pada waktu ini kelulusan diploma seumpama DPKGI merupakan syarat wajib bagi melayakkan seseorang graduan syariah memohon jawatan dalam kumpulan Pegawai Syariah. Demikian juga bagi permohonan untuk beramal / mendapatkan Sijil Guaman Syarie di negeri- negeri. Berdasarkan keyakinan pihak luar setakat ini, maka suatu langkah pemerkasaan wajar dilakukan agar lulusan program ini sentiasa relevan. Melihat kepada faktor kes-kes mahkamah yang semakin mencabar dan banyak menguji kecekapan, adalah dijangka terdapat suatu keperluan untuk menambahbaik program ini menerusi aspek amali. Untuk itu, suatu kajian wajar dilakukan untuk melihat aspek-aspek amali yang perlu diperkasakan. Kajian yang dijangka mengambil masa selama satu tahun ini akan melibatkan responden dari kalangan lulusan DPKGI yang telah berada dalam pasaran kerja berkaitan perundangan dan 'stakeholders' yang terbabit. Hasil kajian ini dijangkakan dapat mengusulkan beberapa cadangan pendekatan dalam bentuk amali kepada pelajar DPKGI pada masa akan datang.

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini menggariskan dua objektif iaitu:

1. Mengetahui pasti kekurangan dan kelebihan aspek latihan amali dalam program Diploma Pentadbiran Kehakiman dan Guaman Islam yang sedang berjalan.
2. Mencadangkan langkah-langkah untuk memperkasakan program ini menerusi aspek latihan berbentuk amali khususnya di dalam kursus program.

METODE KAJIAN

Kajian ini menggunakan kaedah kajian dokumentasi, soal selidik dan temu bual:

1. Kaedah kajian dokumentasi digunakan untuk mendapatkan data-data berkaitan synopsis kursus, maklumat dalam fail pengajaran kursus dan pencapaian pelajar.
2. Soal selidik melibatkan sasaran responden terdiri daripada 100 orang lulusan program DPKGI yang sedang berada di dalam pasaran kerjaya dalam bidang perundangan. Responden dipilih secara rawak mudah.
3. Temubual dibuat terhadap individu-individu yang dikenal pasti sebagai '*stake holder*' kepada lulusan DPKGI UKM. Temubual juga dibuat terhadap pelajar yang sedang mengikuti kursus DPKGI dan pensyarah terlibat dengan pengajaran kursus DPKGI. Kesemua temubual dilaksanakan secara temubual berstruktur.

ULASAN KEPUSTAKAAN

Pembangunan sumber manusia dalam pembangunan sesebuah negara adalah penting . Ia bukan sahaja tertumpu kepada sektor industri yang memacu ekonomi tetapi juga sektor-sektor lain yang turut menyumbang kepada kestabilan dan kemakmuran sesebuah negara itu. Ada negara yang gagal kerana kelemahan pembangunan sumber manusianya (Rahmah, 1999). Menurut Saedah (2006), beliau setuju dengan kenyataan bahawa pendidikan memainkan peranan yang amat penting dalam proses pembangunan sumber daya manusia di sebuah negara. Untuk itu pelbagai sudut pendekatan dan penambahbaikan perlu dibuat bagi mencapai piawai yang telah ditetapkan. Ia termasuklah dalam hal pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran.

Lazimnya sebuah negara yang makmur juga dikaitkan dengan perjalanan sistem keadilannya yang baik. Justeru, Pentadbiran kehakiman dan guaman sama ada dalam sistem syariah atau sivil dilihat perlu sentiasa bergerak seiring dengan keperluan semasa sesuai dengan keperluan menyelesaikan konflik atau kes-kes yang semakin kompleks. Dalam konteks pentadbiran Mahkamah Syariah dan Guaman Syariah di Malaysia, aspek-aspek berkaitan kecekapan, kemahiran dan kesiapsiagaan untuk kes-kes yang lebih mencabar perlu kepada satu rangka penyediaan ilmu asas serta ilmu bersifat amali yang mantap di peringkat pengajian tinggi terutamanya. Aspek kesiapsiagaan inilah yang sering dibangkitkan dalam penulisan-penulisan dalam bentuk kertas kerja seminar. Antaranya oleh Abdul Ghani (2006), Zainol Rijal (2008) dan Syeikh Ghazali (2008). Perbincangan topik ini dalam konteks Malaysia apatah lagi program DPKGI, tidak pernah diangkat dalam bentuk kajian atau perbincangan ilmiah dalam bentuk jurnal, buku ataupun tesis.

Pembelajaran secara amali dijelaskan sebagai pendekatan yang memberi peluang kepada setiap individu mengaplikasikan sesuatu (Wan Azmi 1998). Dalam konteks kursus-kursus berkaitan undang-undang, aspek amali yang dimaksudkan lebih menjurus kepada pelaksanaan apa yang dipelajari secara teori atau melaksanakan apa yang diperuntukkan di dalam arahan, peraturan, enakmen, akta atau yang seumpama dengannya (Pope 2007). Ia merangkumi aspek-aspek di luar mahkamah dan di dalam mahkamah. Demikian juga dengan kemahiran-kemahiran generik yang tidak bersifat rasmi dan tidak diajar menerusi suatu kursus yang khusus tetapi diperolehi menerusi sesi pembelajaran kursus-kursus lain di dalam program.

Menurut Wan Azmi (1998), dalam pengendalian kursus-kursus bersifat profesional, pendekatan gabungan teori dan amali amat penting. Dalam aspek kepeguaman kebolehan dan skil setiap pelajar berkaitan prosedur, advokasi dan lain-lain perkara yang berkaitan dengannya perlukan latihan berbentuk amali. Meskipun tidak dapat dinafikan skil merupakan suatu anugerah tetapi ianya boleh digilap menerusi latihan yang terancang. Ia seperti yang ditekankan oleh Pope (2007) dan Colman (1990). Semuanya menyentuh tentang keperluan praktikal kepada pelajar-pelajar undang-undang. Hal ini sama kedudukannya dengan keperluan praktikal kaunseling kepada bakal-bakal kaunselor sebagaimana yang ditekankan oleh Hackney (2002).

Pendedahan yang maksima terhadap aspek-aspek amali akan memberikan impak yang lebih besar dari sudut kesediaan para graduan memasuki alam kerjaya sebenar dengan penuh keyakinan. UKM menerusi program Diploma Pentadbiran Kehakiman dan Guaman Islam yang mula diperkenalkan pada sesi 1996/1997 berusaha mengambil tanggungjawab menyediakan calon-calon yang berwibawa untuk menerajui dan mengendalikan perkara-perkara berkaitan pentadbiran kehakiman dan guaman Islam atau guaman syar'ie. Matlamat ini dapat dicapai antaranya menerusi pengajaran dan pembelajaran secara amali. Dan kajian secara khusus terhadap program DPKGI ini memang tidak pernah dilaksanakan sejak ia diperkenalkan.

PENCAPAIAN PROJEK

Projek kajian ini telah menghasilkan satu artikel jurnal dan tiga prosiding kebangsaan. Dalam mendapatkan maklum balas serta data-data lain kajian ini telah berjaya membentuk jaringan penyelidikan dengan institusi yang telah lama mendapat faedah secara langsung daripada graduan DPKGI UKM iaitu Jabatan Agama Islam Negeri, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) dan Jabatan Peguam Negara.

PERBELANJAAN

Projek ini telah diperuntukkan sebanyak RM 12,000. Kesemua dana telah habis dibelanjakan dalam tempoh yang dibenarkan dengan pecahan perbelanjaan seperti dalam jadual di bawah:

Bil	Jenis Perbelanjaan	Jumlah (RM)
1	Perjalanan	2205.10
2	Bahan penyelidikan	5794.81
3	Khidmat khas	4000.00
JUMLAH BESAR		11,999.91
BAKI		0.09 sen

KESIMPULAN

Hasil kajian ini mendapati aspek-aspek amali yang semestinya diterapkan ke dalam program akademik berkaitan bidang pentadbiran kehakiman dan guaman Islam, telah dan sedang berjalan sejak 10 tahun lalu. Tinjauan berdasarkan fail pengajaran seterusnya mendapati, pendekatan amali yang digunakan untuk setiap kursus didapati tidak semuanya sama. Malah masa yang diperuntukkan oleh pensyarah berkenaan bagi tujuan amali juga tidak begitu spesifik. Kedua-dua perkara di atas memerlukan penelitian lanjut untuk

kemungkinan ruang bagi sebarang penambahbaikan. Disebabkan kebanyakan kursus dikendalikan secara bersama oleh pensyarah dalam dan profesional luar, maka sudah tentu aspek penyelarasan pengajaran dan pembelajaran menyentuh aspek amali ini amat penting. Dalam pada itu suatu yang amat positif ialah, di dalam program ini sendiri telah terdapat dua kursus khusus yang menekankan aspek amali bertujuan memberi latihan semaksimal mungkin kepada pelajar di lapangan. Kursus-kursus tersebut ialah Mahkamah Mock / Moot dan Penempatan di institusi kehakiman atau guaman. Kursus-kursus tersebut bukan sekadar pelengkap kepada program tetapi dinilai secara bergred bagi membolehkan seseorang calon dianugerahkan Diploma Pentadbiran Kehakiman dan Guaman Islam. Dapatan temubual juga secara keseluruhannya memperlihatkan tahap puas hati pihak yang berkepentingan terhadap kebolehan graduan DPKGI UKM dalam aspek amali apa yang telah dipelajari.

RUJUKAN

- Buku Panduan Pasca Siswazah Fakulti Pengajian Islam 2009
- Colman, Anthony D. 1990. *The practice and procedure of the commercial court*. London: Lloyd's of London Press.
- Fail Pengajaran Kursus Program Diploma Pentadbiran Kehakiman & Guaman Islam
- Felder, R.M. and Brent, R. 2004. *The ABC's of Engineering Education: ABET, Bloom's Taxonomy, cooperative learning*. American Society for Engineering Education.
- Hackney, Harold. 2000. *Practice issues for the beginning counselor*. Boston: Allyn and Bacon.
- Hafizah Husain dll. Kesan Kaedah Pembelajaran Koperatik Teknik Jigsaw di Kalangan Pelajar Kejuruteraan, UKM. *Prosiding Seminar Pengajaran dan Pembelajaran Berkesan 2006*. UKM.
- Johnson, D.W. and Johnson, R.T. 1999. *Cooperation and Competition: Theory and Reseach*. Edina MN: Interaction Book Company
- Muhd Fauzi Aminuddin dll. *Ciri-ciri Pengajaran dan Pembelajaran Berkesan*. Kertas kerja, Fakulti Kejuruteraan dan Alam Bina UKM. T.th.
- Pope, David. 2007. *Mooting and advocacy sklils*. London: Sweet & Maxwell.
- Saedah Siraj & Nurhayati Ishak. Peningkatan Kualiti Pengajaran di Institusi Pengajian Tinggi di Acheh. *Prosiding Persidangan Antarabangsa Pembangunan Acheh*. UKM Bangi. 26-27 Disember 2006.
- Wan Zah Wan Ali dll. Pembelajaran Kolaboratif: Bekerja Sebagai "Satu Kumpulan" atau "Bekerja Dalam Kumpulan". *Prosiding Persidangan Pengajaran dan Pembelajaran di Peringkat Institusi Pengajian Tinggi 2007*. The Palace of Golden Horses, Seri Kembangan. 12-14 Disember 2007.
- Wan Azmi Ramli. 1998. *Latihan Profesional: Pendekatan kepada teori-strategi-amali*. Kuala Lumpur: Golden Books Centre.